HASRAT kumpulan sindiket di Kelantan untuk mengaut keuntungan dengan menjual beratus-ratus haiwan ternakan yang diseludup dari Thailand menjelang Hari Raya Aidilfitri terbantut apabila kegiatan mereka digagalkan Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 9.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 9, Superintendan Ramly Pancho berkata, dalam tiga serbuan di negeri itu sejak Jumaat lalu, pihaknya merampas 235 ekor lembu, 46 ekor kambing, 38 ekor biri-biri dan empat ekor kerbau yang dianggarkan bernilai hampir RM1 juta.

» BERITA DI MUKA 2



RAMLY (kiri) melihat lembu seludup yang berjaya dirampas di Kampung Kubang Pak Itam, Pasir Mas semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/5/2019 | KOSMO | NEGARA | 2 |

235 ekor lembu, 46 kambing diseludup dari negara jiran untuk bekalan raya

# Rampas haiwan ternakan RM1 juta

Oleh YATIMIN ABDULLAH

RANTAU PANJANG – Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 9 berjaya menggagalkan cubaan menjual beratus-ratus haiwan ternakan yang diseludup dari negara jiran dalam tiga operasi berasingan di beberapa daerah di negeri ini sejak Jumaat lalu.

Dalam serbuan itu, pihak berkuasa merampas 235 ekor lembu, 46 ekor kambing, 38 ekor biri-biri dan empat ekor kerbau yang dianggarkan bernilai hampir RM1 juta.

Difahamkan, kesemua haiwan ternakan itu diseludup masuk dari negara Thailand melalui laluan tikus dan sungai di sempadan kedua-dua negara untuk memenuhi permintaan sempena musim Hari Raya Aidilfitri.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 9, Superintendan Ramly Pancho berkata, rampasan selama tiga hari yang bermula Jumaat hingga semalam itu adalah hasil maklumat daripada Unit Risikan pihaknya.

Katanya, serbuan dilakukan di sekitar Rantau Panjang dan Pengkalan Kubor di Tumpat dengan kesemua haiwan ternakan itu diseludup masuk untuk disembelih dan dagingnya dijual kepada pembekal dan pembeli sempena musim perayaan.

"Kesemua haiwan itu dibawa masuk menggunakan laluan-laluan tikus yang terdapat di sepanjang Sungai Golok.

"Dalam serbuan pertama Jumaat lalu pada pukul 4.34 pagi, kita berjaya merampas 37 ekor lembu di kawasan Tok Uban selepas menahan sebuah lori," katanya di sini semalam.

Ramly berkata, serbuan kedua di Kampung Pulai, Pengkalan Kubor, Tumpat pula menyaksikan sebanyak 123 ekor lembu berjaya dirampas dalam operasi bermula pukul 5.08 petang.

Jelasnya, serbuan terakhir dilakukan di Kampung Kubang Pak Itam dengan rampasan 74 ekor lembu, 46 ekor kambing jenis Boer dan 38 ekor biri-biri.

"Rampasan di Kampung Pulai (Pengkalan Kubor, Tumpat) dan Kubang Pak Itam dilakukan di kawasan kandang milik penduduk tempatan selepas haiwan itu diseludup masuk ke negeri ini dari negara jiran.

"Penduduk juga mengaku tidak memiliki sebarang dokumen untuk menyimpan kesemua haiwan itu," katanya.

Difahamkan, sindiket akan menggunakan pangkalan haram untuk membawa haiwan ternakan seperti lembu mengharungi Sungai Golok manakala kambing dan biri-biri diseludup masuk menggunakan perahu.

Kegiatan itu dipercayai dilakukan susulan permintaan tinggi terhadap haiwan ternakan tersebut pada musim perayaan.

Nilai pasaran bagi seekor lembu adalah sekitar RM4,000, kambing Boer (RM1,000) dan biri-biri (RM700).

Jelas Ramly, kesemua haiwan yang dirampas dipercayai untuk pasaran Kelantan dan negeri berdekatan termasuk di Perak.

Katanya, haiwan ternakan itu diserahkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) untuk tindakan selanjutnya.



RAMLY (kiri) melihat sebahagian daripada lembu seludup yang dirampas di Kampung Kubang Pak Itam, Pasir Mas semalam.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 21/5/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 10 |



# EPISOD KAMBING NAIK BOT

■ *235 lembu, 46 boer dan 38 biri-biri diseludup masuk sempena Aidilfitri dirampas*

Siti Nor Hidayatidayu Razali
sitinor@hmetro.com.my

Rantau Panjang

Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuala Terengganu merampas 235 lembu, 46 kambing boer dan 38 biri-biri menerusi tiga serbuan berasingan di Pasir Mas, Pengkalan Kubor dan Rantau Panjang.

Dalam serbuan pada Jumaat hingga jam 5.45 petang kelmarin itu, PGA merampas haiwan ternakan bernilai RM1.1 juta yang diseludup untuk bekalan Aidilfitri.

Pegawai Pemerintahnya, Superintendan Ramly Ponchò berkata, rampasan itu dibuat hasil risikan pegawai dan anggotanya di Sungai Golok sebelum menahan sebuah lori di Tok Uban, Pasir Mas pada jam 4.34 pagi, Jumaat lalu dan merampas 37 lembu.

Katanya, serbuan kedua di Kampung Pulai, Pengkalan Kubor, jam 5.08 petang, Sabtu lalu merampas 123 lembu di dalam sebuah kandang dan serbuan ketiga kelmarin di Kampung Kubang Pak Hitam di sini, merampas 75 lembu, 46 kambing Boer serta 38 biri-biri.

"Keseluruhan rampasan bernilai RM1.1 juta dengan nilai pasaran seekor lembu RM4,000, kambing boer RM1,000 dan biri-biri RM700.

"Haiwan ternakan ini diseludup untuk pasaran Kelantan dan negeri berdekatan termasuk di Perak untuk Aidilfitri ini.

"Rampasan kemudian diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) untuk tindakan lanjut," katanya ketika ditemui di Kampung Kubang Pak Hitam di sini, semalam.

Menurutnya, penyeludup sungguh licik apabila menjalankan aktiviti penyeludupan antara jam 8



KESELURUHAN RM1.1 juta nilai pasaran ternakan yang diseludup masuk



SATU daripada tiga lokasi yang menempatkan ternakan seludup.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/5/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 11 |





ANGGOTA Batalion 9 PGA memantau rampasan lembu yang diseludup masuk dari Thailand di Pos Ular sebelum diserahkan kepada MAQIS.

malam dan 6 pagi.

"Mereka membawa masuk haiwan ini dibuat menerusi pangkalan haram di antara Pos Mek Gombak dan Pos Ular di sepanjang Sungai Gokok kerana kawasan itu mempunyai air sungai cetek untuk memudahkan lembu menyeberangi sungai. Kambing dan biri-biri pula dibawa masuk dengan menggunakan bot.

"Kami memberi kawalan khusus di kawasan sempadan Kelantan-Thailand dengan tumpuan di Pengkalan Ibrahim Pencen, Pos Mek Gombak dan Pos Ular kerana penyeludup mengambil peluang untuk menyeludup haiwan ternakan di lokasi itu," katanya.

Sementara itu, Ketua MAQIS Kelantan, Mohd Azam Yahya berkata, pihaknya membuat siasatan mengikut Seksyen 11 Akta MAQIS 2011 kerana mengimport tanpa permit yang sah dan boleh didenda sehingga RM500,000 atau penjara enam tahun.



# Orang kampung bawa lembu redah sungai

**Rantau Panjang:** Penyeludup haiwan ternakan semakin licik apabila menggunakan kepandaian haiwan itu menyeberangi Sungai Golok di kawasan air yang cetek untuk masuk ke negara ini.

Pegawai Pemerintah Batalion 9 Polis Gerakan Am (PGA) Kuala Terengganu, Superintendan Ramly Poncho berkata, penyeludup akan mengupah orang kampung berdekatan untuk membawa lembu dari negara jiran menyeberangi Sungai Golok.

Katanya, penyeludup memilih kawasan kampung terpencil atau pangkalan haram untuk menyeludup haiwan ternakan bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

"Seekor lembu akan dilepaskan mengikut penduduk yang berada di hadapan sebelum lembu lain akan mengikut dari belakang naik ke darat. Haiwan ternakan ini dipindahkan ke kandang berdekatan.

"Kambing dan biri-biri pula diseludup dengan menggunakan bot," katanya ketika ditemui di Kampung Kubang Pak Hitam di sini, semalam.

Menurutnya, PGA sentiasa membuat risikan dan pemantauan 24 jam untuk mematahkan penyeludupan di sepanjang Sungai Golok terutama di kawasan air cetek termasuk di Pos Mek Gombak dan Pos Ular.

"Saya meletakkan anggota di sepanjang Sungai Golok. Mereka akan membuat risikan dari seberang sungai sehingga ke kandang sebelum merampasnya.

"Operasi berterusan akan dijalankan untuk mengekang masalah penyeludupan di sempadan Kelantan-Thailand yang aktif antara jam 8 malam hingga 6 pagi," katanya.



RAMLY (kiri) menyerahkan hasil rampasan lembu dan kambing yang diseludup kepada Ketua MAQIS Kelantan, Azam Yahya di Kampung Pak Itam.



RAMLY menunjukkan gambar wang yang cuba disogok kepada anggota PGA.

> "Seekor lembu akan dilepaskan mengikut penduduk yang berada di hadapan sebelum lembu lain akan mengikut dari belakang naik ke darat. Haiwan ternakan ini dipindahkan ke kandang berdekatan"
>
> *Ramly*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/5/2019 | THE STAR | NATION | 13 |

# Illegal livestock worth RM1mil held at Kelantan-Thai border in ops



**Good job:** Supt Ramly (left) and his officers checking on the illegal livestock that were seized during the operation at Kampung Tok Rusa near Kubang Pak Itam in Kelantan. — Bernama

**PASIR MAS:** The General Operations Force (PGA) has seized livestock including cattle, goats, sheep and buffaloes, all worth almost RM1mil, at the border of Kelantan and Thailand.

PGA Ninth Battalion commanding officer Supt Ramly Poncho said most of the livestock was seized at enclosures belonging to locals after being brought in illegally from a neighbouring country.

He said the cattle was usually brought in by crossing the river and would be transported through rat trails to designated enclosures.

"On Sunday, we seized 75 (heads of) cattle, 46 goats, 38 sheep and four buffaloes in a raid at Kampung Tok Rusa, near Kubang Pak Itam.

"We found that all the animals were brought in illegally.

"The owner of the enclosure also admitted there were no documents to keep the animals," he told reporters yesterday.

Earlier on Friday, a total of 37 heads of cattle were seized after a team trailed and intercepted a lorry in Tok Uban here.

The next day, Supt Ramly said another 123 heads of cattle were also seized at an enclosure near Kampung Pulau, Pengkalan Kubor, Tumpat.

"One of our tactics is to deploy our personnel, so that they are aware of any development in the areas.

"All personnel, especially the public intelligence unit, will always be on the ground to monitor their respective areas," he added.

Supt Ramly said all seized animals were believed to be brought in for the upcoming Hari Raya celebration.

All the livestock would be handed over to the Malaysian Quarantine and Inspection Service Department for further action, he said. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/5/2019 | NST | NEWS / NATION | 10 |

# LIVESTOCK WORTH RM1m SMUGGLED IN

## Demand for meat ahead of Hari Raya Aidilfitri may spur trafficking, says GOF commander

SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH
RANTAU PANJANG
news@nst.com.my



*General Operations Force Ninth Battalion commanding officer Superintendent Ramly Poncho (left) handing over the seized livestock to the Kelantan Department of Malaysian Quarantine and Inspection Service for further action.* PIC BY FATHIL ASRI

IT took three days for 300 head of cattle, goat and sheep worth almost RM1 million to be smuggled into Kelantan via Sungai Golok.

The General Operations Force (GOF) believes the number of smuggled livestock is expected to rise in the coming days due to the demand for meat ahead of Hari Raya Aidilfitri.

But what's interesting was the sheer speed with which the smuggling was accomplished: it took less than five minutes for the livestock to be moved from the Thai side to the Malaysian side of the river.

GOF Ninth Battalion commanding officer Superintendent Ramly Poncho said smugglers took advantage of high demand from locals to bring as much as livestock as they could from Thailand into Kelantan.

He said this was apparent when the battalion seized more than 300 head of mostly cattle in three separate operations along the border between Friday and Sunday.

The seized animals comprised 235 cows, 46 goats and 38 sheep that were seized in Tok Uban, Pasir Mas, Kampung Pulau (Pengkalan Kubor) and Kampung Kubang Pak Itam (Rantau Panjang).

Ramly said two Malaysians were detained for possession of the smuggled cows in Tok Uban. No one was arrested at the other two locations.

"Cattle is being sold cheaply in Thailand. The price of livestock was more than double here, and smugglers who are willing to risk getting caught by the authorities can make a fortune.

"What is unique about their activities is that they pulled the cows across the river from the Thai side. The animals were tied with rope in a group and reached illegal jetties here within a few minutes," he said yesterday.

Ramly said from the jetty, the smugglers would then send the animals to their destinations with lorries or other modes of transportation, which were determined by their buyers.

Ramly said the GOF officers found that most of the smuggled animals had ear tags, which were fake. This was to make them look like legally certified livestock.

The 300 seized livestock were later handed over to the Kelantan Department of Malaysian Quarantine and Inspection Service for further action.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 21/5/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 8 |

# LPP cari produk baharu bantu ahli jana pendapatan



Mazlan (dua dari kiri) melihat produk kerepek yang dihasilkan oleh Siti Nora (tengah) di bengkel milik usahawan itu di Maran kelmarin.

MARAN - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan terus mencari produk atau tanaman bernilai tinggi baharu yang boleh diusahakan ahlinya bagi menjana pendapatan.

Pengerusinya, Datuk Mazlan Aliman berkata, beliau sendiri akan turun padang untuk melihat potensi produk dan tanaman baharu dijalankan oleh usahawan kecil dan sederhana yang boleh diusahakan secara komersial.

Menurutnya, lawatan ke setiap negeri juga akan dapat melihat sendiri masalah dihadapi usahawan terlibat dan mengenal pasti kaedah penyelesaian untuk membantu mereka lebih berjaya dengan bantuan kerajaan.

"Lawatan yang saya hadiri telah mengenal pasti beberapa projek berpotensi dikembangkan dengan lebih komersial tetapi memerlukan lebih banyak kajian dan penglibatan sokongan agensi dan jabatan kerajaan berkaitan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada program Lawatan Kerja Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Maran dan program ziarah kasih ahli LPP di sini kelmarin.

Mazlan turut meninjau projek korporat PPK Maran yang mengusahakan tanaman tebu dan projek Industri Asas Tani (IAT) serta bertemu dengan Siti Nora Mohamad Noor, 40, yang mengusahakan bengkel maruku dan kerepek.

Mazlan sebelum ini meninjau beberapa projek berpotensi dalam lawatan ke seluruh negara antaranya projek aquaponik bertingkat di Kundansang, Sabah, projek sarang burung walit di Beluran, projek ternakan lembu di Lahad Datu dan projek tanaman vanila di Temerloh, Pahang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/5/2019 | UTUSAN MALAYSIA | RENCANA | 17 |

LPP sebagai Pendaftar kepada semua Pertubuhan Peladang di negara ini mengambil maklum terdapat bantahan-bantahan daripada ahli-ahli peladang berhubung dengan pewartaan ini. Namun, LPP berkeyakinan agenda reformasi ini akan diterima oleh masyarakat peladang demi memastikan institusi peladang kekal relevan.

# Demi peladang dinamik, berdaya saing



SALAHUDDIN AYUB



Maisarah Sheikh Rahim

PADA 1 Jun 2018, Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah digantung setelah didapati berlaku permasalahan serius dalam urus tadbir dan ketirisan melibatkan barisan kepimpinan Pertubuhan tersebut.

Pergantungan itu bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan setelah satu laporan pengauditan khas yang dikeluarkan pada 26 Mac 2018 oleh Pendaftar. Laporan Pendaftar Pertubuhan Peladang mendapati NAFAS menghadapi masalah dari aspek integriti, ketidaktanggungjawaban dan ketelusan dalam barisan kepimpinan Ahli Jemaah Pengarah dan pengurusannya. NAFAS merupakan satu Pertubuhan yang dikawal selia oleh Lembaga Pertubuhan Peladang, sebuah Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Kata menteri berkenaan, Datuk Salahuddin Ayub, NAFAS perlu kembali kepada landasan asal bagi membolehkan peladang-peladang di seluruh Malaysia memperoleh manfaat darinya. Tegas beliau, perubahan besar perlu dilakukan supaya Nafas menjadi payung kepada semua peladang tanpa ada unsur-unsur politik yang keterlaluan, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Kepimpinan Pertubuhan Peladang di peringkat kawasan, negeri dan kebangsaan, perlu mempunyai pemimpin yang benar-benar bertanggungjawab dan mempunyai komitmen tinggi untuk memimpin Pertubuhan yang mereka miliki ini ke satu era baru, agar mampu memberikan apa juga bantuan dan perkhidmatan kepada peladang.



AZULITA SALIM



KEPEMIMPINAN LPP perlu benar-benar bertanggungjawab dan mempunyai komitmen tinggi untuk memastikan pertubuhan mereka mampu memberi apa juga bantuan dan perkhidmatan kepada peladang. - GAMBAR HIASAN/BERNAMA

## PEMULIHAN

Justeru, langkah pemulihan agensi itu digerakkan. Selepas penggantungan Perlembagaan NAFAS berakhir 15 Januari lalu, Lembaga Pertubuhan Peladang dengan kelulusan MOA telah membuat pindaan kepada Peraturan-Peraturan, Pertubuhan Peladang berkuat kuasa 1 Mei lalu demi memastikan tadbir urus pertubuhan itu lebih telus, efektif dan efisien ke arah dimensi baharu yang mampu menguruskan 900,000 peladang di negara ini.

Ketua Pengarah LPP, Azulita Salim berkata, pewartaan itu selari dengan agenda kerajaan semasa yang mengutamakan *Rules of Law* dalam mentadbir urus setiap organisasi.

Pewartaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 ini merupakan pindaan kepada undang-undang sedia ada (Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983) selaras dengan hasrat MOA untuk mereformasikan kepemimpinan Pertubuhan Peladang di kesemua peringkat menjadi lebih dinamik dan berdaya saing.

Pindaan yang dibuat merupakan penambahbaikan kepada pentadbiran dan kepimpinan Pertubuhan Peladang sebelum ini yang meliputi:

- Komposisi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) ialah terdiri daripada tujuh ahli yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) PPK dan lima dilantik oleh Menteri, manakala Pengerusi dipilih melalui undian majoriti.
- Komposisi AJP di Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) terdiri daripada empat ahli yang dipilih dalam MAT dan lima dilantik oleh Menteri manakala Pengerusi hendaklah dinamakan dalam kalangan AJP dan diluluskan oleh Menteri.
- Komposisi AJP di NAFAS terdiri daripada lima ahli yang dipilih dalam MAT dan enam dilantik oleh Menteri serta Pengerusi hendaklah dinamakan dalam kalangan AJP dan diluluskan oleh Menteri.
- Satu penggal pemegangan jawatan dipendekkan kepada dua tahun berbanding tiga tahun sebelum ini di mana tempoh maksimum pemegangan jawatan mestilah tidak melebihi dua penggal (empat tahun).
- Kuorum bagi Mesyuarat AJP adalah tujuh orang di semua peringkat Pertubuhan Peladang.

## RULE OF LAW

Pindaan itu dibuat secara teratur berdasarkan punca kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 35 Akta Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109]. Tindakan menyemak dan meminda perundangan sebenarnya berbentuk dinamik dan ia sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian perundangan terhadap keperluan semasa. Ia selari dengan agenda kerajaan semasa yang mengutamakan *rule of law* dalam mentadbir urus setiap organisasi apatah lagi apabila ia melibatkan peladang yang memerlukan perhatian daripada kerajaan.

## REFORMASI, BANTAHAN

LPP sebagai Pendaftar kepada semua Pertubuhan Peladang di negara ini mengambil maklum terdapat bantahan-bantahan daripada ahli-ahli peladang berhubung dengan pewartaan ini. Pejabat Pendaftar hampir selesai memberi taklimat kepada pemimpin, ahli-ahli peladang dan anggotanya di setiap negeri bagi menjelaskan dengan lebih terperinci pindaan ini agar kefahaman yang lebih menyeluruh dapat diberikan.

Semasa sesi *engagement* itu, banyak pertanyaan dan persoalan dibangkitkan dan Pejabat Pendaftar telah memberi penjelasan yang sewajarnya termasuklah tujuan asal pindaan ini dibuat. Selaras dengan hasrat ini, semakan undang-undang akan diteruskan bagi memastikan agenda reformasi ini dapat dimantapkan dalam usaha memberi semangat baharu kepada pergerakan Pertubuhan Peladang di seluruh Malaysia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/5/2019 | HARAKAH | PULAU PINANG DALAM GERHANA | N3 |

# Tidak 'telus', tapi 'tembus'?

juta setahun.



Ustaz Mohd Yusni Mat Piah

"Sedarkah jangkaan diletak itu sebenarnya membayangkan aliran trafik sangat tinggi di dalam pulau?

"Seluruh segmen Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) akan sia-sia kerana tidak menjadi penyelesaian masalah. Sebaliknya pula, bakal 'meninggikan' lagi tekanan kepada penduduk berdepan kesesakan lalu lintas," katanya.

Beliau membangkitkan sejauh mana kemampanan kewangan kerajaan negeri kerana perbelanjaan dan hasil dilihat berada pada aliran tunai dan garis masa yang tidak sepadan.

Ulasnya, ini kerana kos untuk pembinaan dalam kadar segera sedangkan hasil jualan yang amat mahal memerlukan jangka panjang, jika hasil kurang katanya pasaran hartanah pasti terjejas teruk akibat berlaku lambakan.

"Pinjaman awal RM1 bilion yang dipohon daripada Kerajaan Pusat tidak memadai untuk memulakan fasa pertama bernilai RM17 bilion.

"Bagaimana jika pinjaman itu tidak diluluskan oleh Kerajaan Pusat? Ironinya, permohonan itu sudah menunjukkan bahawa wujud ketidakmampuan kewangan pihak-pihak terlibat.

"Lebih jelik kerana ia sering diumum akan 'dibiayai sendiri' Konsortium SRS selaku pemaju. Paling nyata akibat daripada PSR; penduduk miskin bakal 'terusir' dan alam sekitar akan musnah," tambahnya.



# Nelayan terjejas dengan projek tambak laut

Nelayan makin sukar menangkap ikan di laut akibat tambakan yang sedang berjalan.

Oleh NUR HASMIRA MOHAMAD
Foto SYAHIRAH SALLEH

**GEORGETOWN:** Nelayan Permatang Damar Laut berharap projek tambak laut untuk membentuk tiga buah pulau buatan di perairan selatan Pulau Pinang seluas 1,800 hektar tidak diteruskan kerana projek ini merosakkan ekosistem pembiakan udang dan ikan di kawasan tersebut.



Rossli Yusoff

Menurut Rossli Yusoff 61, jika projek ini diteruskan, sekitar 4,000 lebih nelayan di Permatang Damar Laut akan terjejas menyebabkan nelayan di sini terpaksa berpindah kawasan untuk menangkap ikan di kawasan lain sekali gus menambahkan kesesakan jumlah pertambahan nelayan di kawasan lain.

Beliau telah tinggal di Permatang Damar Laut selama 51 tahun dan sudah 30 tahun menjadi nelayan berkata, pendapatan nelayan di Permatang Damar Laut semakin terancam justeru itu pihaknya berharap kerajaan mengalihkan projek tersebut ke kawasan lain supaya tidak mengancam kawasan pembiakan udang dan ikan di situ.

"Bulan lepas (April) Ketua Menteri Pulau Pinang telah maklum projek tersebut telah mendapat persetujuan daripada Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN), sekarang kerajaan negeri sedang menunggu laporan dari Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Tapi kami dengar khabar bahawa kerajaan Persekutuan belum meluluskan cadangan projek tambak laut itu," katanya ketika ditemui *Harakah* pada 11 Mei lalu.

Ujarnya meskipun sekitar 40 buah rumah penduduk di kawasan persisiran Permatang Damar Laut tidak terjejas dan kerajaan memberi jaminan bahawa bahan binaan akan dibawa melalui laluan laut namun sudah tentu akan berlaku kerosakan atau pencemaran kepada hidupan laut.

Katanya, keadaan persisir laut di kawasan tersebut telah tercemar dengan sisa pembuangan bahan toksik dari kilang-kilang yang menyebabkan gatal-gatal kulit bagaimana pula dengan keadaan di Permatang Damar Laut setelah tiga pulau tersebut berjaya dibangunkan.

"Difahamkan tiga pulau itu akan ada kawasan perindustrian, perumahan, dan sebagainya sudah tentu akan menambahkan pencemaran dan menjejaskan hidupan laut lain, jaraknya antara pulau buatan dengan kawasan di darat ini hanya sekitar 300 meter," katanya.



Kelihatan jentera sedang menambak laut di Persiaran Gurney.

# Kerajaan negeri mesra pemaju, tindas nelayan

Foto SYAHIRAH SALLEH

**GEORGETOWN:** Hakikat yang sedang berlaku di Pulau Pinang ketika ini adalah kerajaan negeri Pulau Pinang yang 'mesra' pembangunan di bahagian pulau semakin menindas golongan nelayan.

Tinjauan *Harakah* kawasan Permatang Damar Laut adalah lubuk mencari rezeki kepada lebih 4,000 nelayan malah persisir tersebut adalah kawasan selamat kepada nelayan untuk menangkap ikan ketika tiba musim laut bergelora.

Difahamkan, kerajaan negeri Pulau Pinang telah menyediakan insentif kepada nelayan untuk mengusahakan penternakan ikan dalam sangkar di laut namun penternak ikan dari kalangan orang Melayu tidak berupaya menyaingi penternak ikan dari kalangan Cina.

Universiti Sains Malaysia pernah mengadakan kolaborasi bersama nelayan untuk menternak ikan dalam sangkar, hasil yang diusahakan tidak memberangsangkan kerana ramuan makanan untuk ikan dalam sangkar tidak mampu membesarkan ikan.

Berbeza pula penternak ikan yang lain, mereka menggunakan perut ayam dan perut babi sebagai makanan ikan yang dibela dalam sangkar untuk membesarkan ikan belaan yang membolehkan ikan saiz ini menjadi tumpuan pelanggan.

Bukan itu sahaja, pulau buatan yang dilengkapi dengan kawasan perindustrian, perumahan dan sebagainya sudah tentu harga rumahnya mencecah jutaan ringgit yang tidak mampu diduduki oleh warga tempatan sekali gus membuka peluang kepada orang asing untuk memilikinya.

Suatu masa nanti, Pulau Pinang bukan lagi dipenuhi warga tempatan tetapi warga asing dan tiga pulau buatan ini seperti jelmaan Singapura kedua yang mana Singapura juga antara negara yang membina pulau buatan untuk tujuan pembangunan.

Begitu juga di kawasan sepanjang Persiaran Gurney, jentera-jentera berat sedang rancak menimbus tanah untuk projek terowong dasar laut. Dulu kawasan Persiaran Gurney ini selalu menjadi kawasan riadah kepada pelancong tempatan kini keadaan menjadi suram.

Selain itu, apa yang menghairankan kerajaan negeri Pulau Pinang terlalu rancak menfokuskan pembangunan di kawasan pulau berbanding di kawasan sebelah tanah besar yang diduduki majoriti orang Melayu.

Pulau Pinang yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu tanah besar dan pulau mempunyai keluasan 653 kilometer persegi di Seberang Perai dan 293 kilometer persegi di bahagian pulau, tumpuan kerajaan negeri untuk pembangunan wajar diutamakan di kawasan sebelah Seberang Perai.

Projek-projek yang sedang rancak dirancang kerajaan negeri di kawasan pulau adalah sebagai mengelak kesesakan lalu lintas. Atas keprihatinan kerajaan negeri yang "berat sebelah" dalam hal pembangunan, projek terowong dasar laut dilaksanakan, tiga pulau buatan sedang dalam rancangan dan beberapa lagi projek lain sedang digerakkan.

Tidak ada apa yang menarik lagi di Pulau Pinang, hanya sebuah bandar atau pulau pencemaran yang dipenuhi pencemaran bunyi, asap, pembuangan sisa toksik di kawasan laut, bangunan kiri dan kanan hingga jalan raya semakin sempit dan menjadi sebuah pulau yang selalu dilanda banjir.

Hasilnya nanti, Pulau Pinang menjadi sebuah pulau yang lebih sesak, pulau hanya untuk orang berada tiada tempat untuk golongan miskin.